

BECLOVID-C CREAM

Clotrimazole 1% w/w and Beclomethasone Dipropionate 0.025% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beclovid-C Cream
2. Bagaimana Beclovid-C Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beclovid-C Cream
4. Cara menggunakan Beclovid-C Cream
5. Semasa menggunakan Beclovid-C Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beclovid-C Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Beclovid-C Cream

Beclovid-C Cream boleh digunakan untuk merawat jangkitan kulat kulit, terutamanya wujudnya symptoms ekzematous.

Bagaimana Beclovid-C Cream

Beclovid-C Cream mengandungi *Clotrimazole* dan *Beclomethasone Dipropionate*.

Clotrimazole adalah agen antikulat imidazole dan berkesan terhadap pelbagai kulat. *Clotrimazole* bertindak atas membrane sel kulat.

Beclomethasone Dipropionate adalah glukokortikoid sintetik dan digunakan pada permukaan kulit untuk rawatan pelbagai dermatosis.

Aplikasi topikal *Beclomethasone Dipropionate* boleh menghalang pertumbuhan dermatosis dengan memberi kesan anti-radang, anti-prurit, anti-alergi, anti-proliferasif serta aktiviti vasokonstriktif yang kuat dan cepat.

Sebelum menggunakan Beclovid-C Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda alah terhadap sebarang bahan kandungan untuk ubat ini.

Jangan mengambil ubat ini jika anda mengalami tuberkulosis kulit, *herpes simplex*, cacar air, campak, *vaccinia*, luka kulit yang sifilis.

Jangan menggunakan Beclovid-C Cream untuk masa yang lama jika anda hamil.

- Sebelum mula menggunakan Beclovid-C Cream

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mula menggunakan produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Beclovid-C Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Kekerapan permohonan secara amnya adalah 2 hingga 3 kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Selepas mengawal symptom ekzematous, anda dinasihati agar tukar kepada krim atau losyen antikulat yang tidak mengandungi steroid sehingga jangkitan kulat dibasmi sepenuhnya.

- Jika terlupa menggunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda jika terguna ubat ini secara berlebihan.

Semasa menggunakan Beclovid-C Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Beclovid-C Cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Beclovid-C Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai symptom atau penyakit yang sama

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Beclovid-C Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Penggunaan steroid secara topikal atas permukaan kulit yang luas, dengan atau tanpa pakaian oklusif, boleh menyebabkan penyerapan sistemik steroid.

Atrofi setempat (sebahagiannya atau lengkap membuang sebahagian daripada badan) dan *striae* (tanda regangan) telah dilaporkan dengan penggunaan steroid topikal.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

BECLOVID-C CREAM

Clotrimazole 1% w/w and Beclomethasone Dipropionate 0.025% w/w

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Beclovid-C Cream

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau bahan buangan isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim putih legap diisi dalam tiub aluminium 15gm.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

- *Clotrimazole*
- *Beclomethasone Dipropionate*

-Bahan tidak aktif:

- *Propylene Glycol*
- *Liquid Paraffin*
- *White Soft Paraffin*
- *Sodium Dihydrogen Phosphate*
- *Methyl Hydroxybenzoate*
- *Propyl Hydroxybenzoate*
- *Cetomacrogol Emulsifying Wax*
- *Purified Water*

- Nombor MAL:

MALXXXXXXX

121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Berhad,
121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

05/05/2022

Nombor siri

NPRA (R2) 21/181

Pengilang

Hovid Berhad,
